

18/07/2000

Maksud tersirat media Barat

Maarop Md Noh

PADA 24 Jun lalu, saya menulis di ruangan ini mengenai perlunya merungkai perangkap marah (mughaddab) dan ganas dalam berdakwah.

Pendekatan marah-marah dan kasar yang sering diamalkan oleh pendakwah terkini menyebabkan masyarakat Islam tersalah nilai jati diri dan penerimaan mereka terhadap agama Islam juga turut berubah.

Jika dulu mereka menerima Islam yang penuh adab dan beretika, kini mereka dianjurkan supaya mengamalkan tindakan ganas.

Sikap sedemikian menyumbang kepada penghinaan terhadap Islam.

Pada Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) di Kuala Lumpur baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak 50 anggota Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) mengubah paradigma berfikir dan bertindak dengan mengamalkan sikap toleransi dan berbudaya ilmu.

Langkah itu perlu, kata Perdana Menteri, supaya anggota OIC menyesuaikan diri dengan perkembangan terkini globalisasi.

Rencana memarhamahkan ummah mengajak umat Islam memartabatkan ilmu supaya pendekatan dakwah tidak dilakukan secara kasar.

Ini kerana dakwah yang kasar boleh memungkinkan pembentukan budaya ganas dan sekali gus membenarkan tohmahan Barat bahawa Islam disebar dengan pedang.

Kempen penulis Barat yang begitu halus itu menyebabkan agama dan umat Islam disisihkan atau dipandang serong.

Sementara usaha untuk membetulkan keadaan itu di kalangan umat Islam sendiri terlalu kurang.

Malah, lebih malang apabila tindak tanduk umat Islam sendiri tidak mencerminkan kehendak dan falsafah agama yang mereka anuti.

Perpecahan di kalangan umat Islam, dengki, tidak jujur dan tidak amanah, kedekut, mementingkan diri dan paling malang, negara Islam yang kaya mementingkan wilayah dan kedudukan sendiri.

Kedudukan umat Islam di Chechnya adalah contoh terdekat.

Negara-negara Islam seolah-olah berlepas tangan.

Pada hal dalam Islam apabila seseorang saudara Islam dianiaya, seluruh umat Islam hendaklah mempertahankannya. Al-Quran menjelaskan: "Orang mukmin itu bersaudara, maka hendaklah kamu damaikan antara saudara kamu." (al-Hujurat: 10)

Mukmin di sini bererti orang Islam. Ini kerana Mukmin itu simbiotik dengan Islam. Manakala 'damaikan' bererti memelihara kepentingan mereka. (Lihat Mukhtasar Ibnu Katsir)

Sementara itu, Nabi Muhammad juga menjelaskan, umat Islam adalah bersaudara.

Malah, baginda menjelaskan persaudaraan itu begitu kukuh sehingga jika diibaratkan bangunan, umat Islam itu saling kukuh mengukuhkan. (Maksud hadis)

Tetapi apakah realitinya sekarang. Chechnya dihancurkan, Kosovo, Bosnia-Herzegovina diporakperandakan oleh kuasa Barat yang mempunyai agenda tersirat menghancurkan Islam.

Negara yang mengaku negara Islam berpecah sama sendiri dan lemah sehingga tidak mampu memberikan sumbangan membantu negara saudara mereka.

Di Afghanistan, misalnya, Taliban dan golongan Masood bertelagah, di Sudan dan di beberapa negara Afrika Barat, pemerintah Islam begitu lemah. Sementara di Asia Barat, masalah Palestin masih tidak diselesaikan.

Semua ini memburukkan imej Islam itu sendiri.

Menyedari kepentingan umat dan negara Islam memperbetulkan semula imej mereka, Perdana Menteri mengajak umat Islam menukar pendekatan - di samping menyebarkan Islam, juga mengembangkan ilmu pengetahuan yang tinggi dengan memartabatkan sains dan teknologi. Umat Islam mesti berusaha mengemukakan teori ilmu sains, teknologi, malah ekonomi, politik, budaya dan sosial mereka ke pentas dunia.

Dengan mengemukakan pendekatan tersendiri, umat Islam dapat membuktikan bahawa mereka adalah penganut agama yang cintakan ilmu pengetahuan.

Perkara ini tidak mustahil dilakukan kerana sebelum penjajahan Barat bermula, Islam adalah 'kiblat' ilmu dan pak turut dan pengguna yang setia sepanjang zaman.

Sebagai agama yang menitikberatkan kemajuan di samping akidah, Islam menggalakkan umatnya memperkuat diri.

Al-Quran menjelaskan: "Persiapkanlah diri kamu untuk menghadapi mereka (musuh-musuh) dengan kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan daripada kuda yang ditambat untuk berperang, (dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh-musuh Allah, musuhmu dan orang yang selain mereka yang tidak kamu ketahui, sedangkan Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan dibalas setimpal dan kamu tidak akan dianiaya (rugi)." (al-Anfaal: 60)

Walaupun, seimbis lalu ayat ini mengenai persiapan untuk berperang, tetapi dalam konteks yang lebih jauh dan terperinci, ia mengajak umat Islam menguasai pelbagai bidang ilmu sebagai mempersiapkan diri menjadi masyarakat maju, kuat dan dihormati.

Gesaan itu juga menunjukkan Allah tidak reda umat Islam berpeluk tubuh tanpa berusaha memperbaiki diri sendiri.

Firman Allah berbunyi: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum itu sehingga kaum itu sendiri berusaha mengubahnya." (ar-Ra'adu: 11) Sudah berabad Islam diperleceh sebagai agama ganas, anti-kemajuan, anti-perdamaian dan sebagainya. Tetapi masyarakat Islam seperti tidak pernah serik dengan jolokan itu.

Sebaliknya masyarakat Islam meneruskan persengketaan sesama sendiri.

Peperangan Iran-Iraq pada tahun 80-an, peperangan Iraq-Kuwait pada 1991, keganasan di Sudan, perang agama di Nigeria dan di Indonesia, malah yang terbaru penculikan 21 tebusan oleh pemisah Mindanao di Jolo yang mengaku pejuang Islam, semuanya seolah-olah membenarkan tohmahan dunia kepada masyarakat Islam.

Keadaan itu lebih buruk apabila media antarabangsa menggambarkan dunia Islam dan daerahnya sebagai tidak aman dan rakyatnya suka bergaduh.

Kini dengan tersebarnya penggunaan internet, kempen untuk memburukkan Islam lebih giat dijalankan.

Perpecahan umat Islam diperbesar-besarkan tetapi kejayaan tidak mendapat liputan yang adil. Media Barat seperti CNN, CNBC, Reuters, dan pelbagai agensi lagi dimiliki, asal sebahagian besarnya oleh Yahudi.

Agensi ini biasanya tidak pernah letih memberikan gambaran buruk kepada negara Islam.

Perang antara Iraq dan Kuwait sepatutnya mengajar negara Islam menilai semula maruah mereka.

Iraq yang pada mulanya dihasut Amerika Syarikat supaya menyerang Kuwait pada 1991, akhirnya terperangkap dan menjadi mangsa kepada pakatan antarabangsa yang didalangi Amerika Syarikat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perang Teluk adalah episod yang paling memalukan Islam selepas Perang Salib (1099-1244M).

Malah, komander tentera Amerika dalam Perang Teluk, General H Norman Schwarzkopf, merakamkan kejayaan negaranya dalam buku *It Doesn't Take A Hero* sebagai tempelak kepada Iraq dan dunia Islam (tulisan Peter Petre,

terbitan Linda Gray Bantam Books, 1992).

Dalam forum Global TV2 pada 2 Julai lalu, kita dapat mendengar sendiri dan menganalisis pandangan penulis Barat terhadap Islam.

Walaupun mereka tetap prejudis, pandangan mereka ada kebenarannya.

Misalnya, Helene Da Costa dari Radio Perancis, mengakui pergerakan Islam lebih banyak menjurus kepada keganasan.

Beliau mengambil contoh penculikan 21 tebusan, termasuk sembilan rakyat Malaysia sendiri, adalah gambaran kekejaman yang tidak boleh dimaafkan.

Apa yang mungkin ingin dirungkai oleh Helene ialah sifat yang disebut oleh Machiavelli yang dipelajari oleh manusia kuno daripada watak Cheiron The Beast. Walaupun tidak secara terang-terangan, Helene cuba menghubungkan imej masyarakat Islam sekarang adalah imej haiwan yang buas.

Walaupun kita merasakan ada sesuatu yang tersirat, ia juga satu kebenaran.

Begitu juga apabila Richard Werly dari sebuah majalah Perancis menyebut masyarakat di negaranya lebih tertarik kepada Buddha berbanding Islam kerana agama itu mencerminkan kejujuran dan kasih sayang.

Bagi masyarakat di Perancis, katanya, sikap penganut Buddha sesuai dengan semangat perdamaian dan persamaan hak serta hak asasi manusia yang diperjuangkan dunia sekarang. Dengan pengertian mudah, masyarakat Perancis tercari-cari agama yang boleh memberikan mereka kedamaian. Mereka menolak Islam kerana menganggapnya ganas.

Walaupun forum itu mengenai langkah untuk mempertingkatkan kefahaman media terhadap Islam, ahli panel yang mewakili Malaysia bukan daripada kalangan media.

Dalam beberapa kes, ahli panel dari Malaysia gagal menghuraikan masalah media yang sebenarnya, terutama hubung kaitnya dengan Islam. Wakil Malaysia seolah-olah menjadi bahan momokan apabila seorang demi seorang wakil media Barat mengutarakan keganasan Islam di sana sini.

Tetapi wakil Malaysia cuba menutup dengan fakta yang terkeluar daripada tajuk.

Wakil dari Radio Amerika, Jullian C Horlic, misalnya, menguasai forum itu dengan hujah pembuktian beberapa negara Islam sendiri tidak ingin kepada perdamaian secara global.

Berbanding harapan tinggi Dr Mahathir dalam Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam, forum Global anjuran RTM2 itu sekadar mengisi masa kosong semata-mata.

Malah banyak pertanyaan dari luar gagal diselesaikan oleh ahli panel.

Dr Abu Bakar Majeed dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), gagal membuktikan Islam adalah agama yang syumul.

Wakil Malaysia sepatutnya memartabatkan sepenuhnya forum itu. Beliau sepatutnya mengemukakan teori Barat yang melabelkan Islam dengan pelbagai gelaran.

Selain itu, tindakan negara Barat menganggap Islam sebagai musuh yang mesti diperangi (Lihat Perang Salib di Alam Islami 1998).

Sementara Islam sendiri tidak menganggap tamadun luar sebagai musuh.

Persengketaan dalam Islam tidak boleh dianggap sesuatu yang tidak boleh diselesaikan. Malah, pendekatan yang diamalkan Islam adalah pendekatan marhamah yang bererti kasih sayang.

Al-Quran menjelaskan: "Jika ada dua golongan di kalangan mukmin yang bersengketa, maka damaikanlah kedua-duanya. Jika salah satu daripada mereka membuat aniaya, maka perangilah golongan yang membuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah. Jika golongan itu sudah kembali (kepada perintah Allah) maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil dan berlaku adillah, sesungguhnya Allah menyukai orang yang adil." (al-Hujurat: 9)

Kita amat bersetuju saranan Perdana Menteri supaya negara Islam menguasai semua jaringan media dengan membeli atau menjadi pemegang saham terbesar dalam media antarabangsa.

Adalah lebih baik kita bergerak dari dalam daripada berkokok di luar.

Sebenarnya Islam itu mulia dan tinggi, tidak ada yang lebih mulia dan tinggi daripadanya. (Maksud Hadis)

(END)